



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN CIRI PERSONALITI KREATIF DALAM KALANGAN MURID PINTAR AKADEMIK

UMMU AIMAN BINTI ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap ciri personaliti kreatif dalam kalangan murid pintar akademik (PA) dan menentukan perbezaan ciri personaliti kreatif berdasarkan jantina dan jenis sekolah. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kaedah tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian dipilih secara pensampelan bertujuan dari Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) aliran Kelas Rancangan Khas (K RK). Seramai 120 orang murid Tingkatan Dua yang memperoleh 5A dalam peperiksaan peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) terlibat sebagai sampel kajian, berdasarkan model pintar cerdas Gagne dan Piirto. Data diperoleh melalui soal selidik Inventori Personaliti Kreatif yang dibina berdasarkan empat konstruk sahaja daripada lima konstruk dalam *Five Core Attitudes* (Piirto). Dapatan kajian menunjukkan sampel murid PA ini mempunyai tahap ciri personaliti kreatif yang tinggi secara keseluruhan ($M=3.83$, $SP=.3031$), dan dalam keempat-empat aspek konstruk dalam ciri personaliti kreatif iaitu keterbukaan terhadap pengalaman, toleransi terhadap kesamaran, pengambilan risiko, dan disiplin sendiri. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam ciri personaliti kreatif secara keseluruhan berdasarkan jantina. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan ciri personaliti kreatif yang signifikan berdasarkan jenis sekolah. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan faktor jenis sekolah mempengaruhi ciri personaliti kreatif murid PA dalam aspek toleransi terhadap kesamaran dan pengambilan risiko. Implikasi kajian ini memberi petunjuk bahawa jenis sekolah amat berperanan dalam membentuk personaliti kreatif murid. Justeru, aspek personaliti kreatif ini boleh dijadikan asas kepada kajian masa depan yang berhubungkait dengan perkembangan kreativiti.





A STUDY OF CREATIVE PERSONALITY CHARACTERISTICS AMONG ACADEMICALLY GIFTED STUDENTS

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the level of creative personality characteristics among academically gifted students and the difference across gender and school type. Quantitative approaches with survey method design were used for this study. The studied samples were chosen using purposive sampling technique from a boarding school (SBP), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), and daily schools which have special programme class (SMK KRK). A number of 120 Form Two students who received straight 5A's in their Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) are involved as studied samples, based on Gagne and Piirto gifted model. Data collected was from questionnaire named Inventori Personaliti Kreatif (Creative Personality Inventory) which was developed based on four out of five constructs in *Five Core Attitudes* (Piirto). The findings showed that the samples had a high level of overall creative personality characteristics ($M=3.83$, $SD=.3031$), and high level of creative personality characteristics based on openness to experience, tolerance for ambiguity, risk-taking and self-discipline. The result showed that there was no significant difference of overall creative personality characteristics across gender. However, the result also showed that there were significant differences of creative personality characteristics across school type. As a conclusion, type of schools affects creative personality characteristics among academically gifted students on tolerance for ambiguity and risk taking. The implication of this study suggested that type of schools plays an important role in shaping students creative personality. Hence, creative personality aspect can be the basis of future studies related to developing creativity.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xiv

SENARAI RAJAH xvii

SENARAI SINGKATAN xviii

SENARAI LAMPIRAN xix

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 4

1.3 Pernyataan Masalah 7

1.4 Objektif Kajian 14

1.5 Persoalan Kajian 14

1.6 Hipotesis Kajian 16

1.7 Kepentingan Kajian 17



1.8 Batasan Kajian	19
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	20
1.10 Definisi Operasional	23
1.10.1 Murid	23
1.10.2 Pintar Akademik (PA)	23
1.10.3 Jantina	24
1.10.4 Jenis Sekolah	24
1.10.5 Personaliti Kreatif	24
1.10.6 Keterbukaan Terhadap Pengalaman	25
1.10.7 Toleransi Terhadap Kesamaran	25
1.10.8 Pengambilan Risiko	26
1.10.9 Disiplin Kendiri	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	28
2.2 Konsep Pintar Cerdas	29
2.2.1 Pintar dan Berbakat	29
2.2.2 Pintar Akademik (PA)	30
2.3 Teori-teori Pintar Cerdas	31
2.3.1 Teori Perkembangan Bakat Piirto	31
2.3.2 Teori DMGT Gagne	34
2.4 Konsep Personaliti Kreatif	37
2.5 Teori Personaliti Kreatif Csikszentmihalyi	39
2.6 Teori Personaliti Kreatif Piirto	41

2.6.1 Keterbukaan Terhadap Pengalaman	42
2.6.2 Toleransi Terhadap Kesamaran	43
2.6.3 Pengambilan Risiko	44
2.6.4 Disipin Kendiri	45
2.6.5 Kepercayaan Kelompok (Group Trust)	46
2.7 Kesan Demografi Terhadap Ciri Personaliti Kreatif	47
2.8 Latar Belakang Program Pintar Cerdas di Malaysia	51
2.8.1 Pendidikan Pintar Cerdas Pasca Kemerdekaan	51
2.8.2 Senario Pendidikan Pintar Cerdas Masa Kini	52
2.9 Kajian Terdahulu di Malaysia	53
2.9.1 Kajian Pintar Cerdas dan Personaliti	53
2.9.2 Kajian Berkaitan Personaliti Kreatif dan Kreativiti	57
2.9.3 Rumusan Kajian Dalam Negara	60
2.10 Kajian Luar Negara	61
2.10.1 Kajian Pintar Cerdas dan Personaliti Kreatif	61
2.10.2 Kajian Berkaitan Ciri Personaliti Kreatif	64
2.10.2.1 Keterbukaan Terhadap Pengalaman	64
2.10.2.2 Toleransi Terhadap Kesamaran	66
2.10.2.3 Pengambilan Risiko	67
2.10.2.4 Disipin Kendiri	68
2.10.3 Rumusan Kajian Luar Negara	69
2.11 Kesimpulan	69

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pendahuluan	70
3.2 Rekabentuk Kajian	70
3.3 Populasi dan Persampelan Kajian	71
3.4 Lokasi Kajian	75
3.5 Instrumen Kajian	77
3.5.1 Pemilihan Instrumen	77
3.5.2 Pemarkatan Instrumen Soal-selidik	79
3.5.3 Pembinaan Item Soal-selidik	80
3.6 Kesahan	82
3.7 Kebolehpercayaan	83
3.8 Kajian Rintis	84
3.9 Prosedur Pengumpulan Data	86
3.10 Prosedur Analisis Data	87
3.11 Kesimpulan	92

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	93
4.2 Demografi Sampel	93
4.3 Analisis Item	94
4.4 Dapatan Kajian -Persoalan Kajian dan Pengujian Hipotesis	100
4.4.1 Apakah tahap ciri personaliti kreatif murid PA secara keseluruhan?	100
4.4.2 Apakah tahap ciri personaliti kreatif murid PA dari aspek keterbukaan terhadap pengalaman ?	101





4.4.3 Apakah tahap ciri personaliti kreatif murid PA dari aspek toleransi terhadap kesamaran?	101
4.4.4 Apakah tahap ciri personaliti kreatif murid PA dari aspek pengambilan risiko?	102
4.4.5 Apakah tahap ciri personaliti kreatif murid PA dari aspek disiplin sendiri?	103
4.4.6 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min keseluruhan ciri personaliti kreatif berdasarkan jantina murid PA?	104
4.4.7 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min keseluruhan ciri personaliti kreatif dari aspek keterbukaan terhadap pengalaman berdasarkan jantina murid PA?	105
4.4.8 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min keseluruhan ciri personaliti kreatif dari aspek toleransi terhadap kesamaran berdasarkan jantina murid PA?	107
4.4.9 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min keseluruhan ciri personaliti kreatif dari aspek pengambilan risiko berdasarkan jantina murid PA?	109
4.4.10 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min keseluruhan ciri personaliti kreatif dari aspek disiplin sendiri berdasarkan jantina murid PA?	111
4.4.11 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min keseluruhan ciri personaliti kreatif berdasarkan jenis sekolah murid PA?	113
4.4.12 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min keseluruhan ciri personaliti kreatif dari aspek keterbukaan terhadap pengalaman berdasarkan jenis sekolah murid PA?	117
4.4.13 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min keseluruhan ciri personaliti kreatif dari aspek toleransi terhadap kesamaran berdasarkan jenis sekolah murid PA?	118
4.4.14 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min keseluruhan ciri personaliti kreatif dari aspek pengambilan risiko berdasarkan jenis sekolah murid PA?	122
4.4.15 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min keseluruhan ciri personaliti kreatif dari aspek disiplin sendiri berdasarkan jenis sekolah murid PA?	125



4.5 Kesimpulan	126
----------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	128
-----------------	-----

5.2 Rumusan Kajian	129
--------------------	-----

5.3 Perbincangan	132
------------------	-----

5.3.1 Tahap Ciri Personaliti Kreatif Murid PA	132
---	-----

5.3.1.1 Tahap Ciri Personaliti Kreatif Secara Keseluruhan	132
---	-----

5.3.1.2 Tahap Ciri Personaliti Kreatif dari Aspek Keterbukaan Terhadap Pengalaman	133
---	-----

5.3.1.3 Tahap Ciri Personaliti Kreatif dari Aspek Toleransi Terhadap Kesamaran	134
--	-----

5.3.1.4 Tahap Ciri Personaliti Kreatif dari Aspek Pengambilan Risiko	136
--	-----

5.3.1.5 Tahap Ciri Personaliti Kreatif dari Aspek Disiplin Kendiri	137
--	-----

5.3.2 Perbezaan Ciri Personaliti Kreatif Murid PA	138
---	-----

5.3.2.1 Ciri Personaliti Kreatif Berdasarkan Jantina	138
--	-----

5.3.2.2 Ciri Personaliti Kreatif Berdasarkan Jenis Sekolah	141
--	-----

5.3.3 Kesimpulan	145
------------------	-----

5.4 Implikasi Kajian	146
----------------------	-----

5.4.1 Negara	147
--------------	-----

5.4.2 Kementerian Pelajaran Malaysia	147
--------------------------------------	-----

5.4.3 Bidang Penyelidikan	147
---------------------------	-----

5.4.4 Murid	148
-------------	-----

5.4.5 Guru	149
------------	-----

5.4.6 Kaunselor dan Ibu Bapa	150
------------------------------	-----



5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	150
------------------------------	-----

5.5.1 Sampel Murid Pintar Akademik	151
------------------------------------	-----

5.5.2 Alat Ukur dan Pembolehubah	151
----------------------------------	-----

5.5.3 Perkaitan Hubungan Dengan Perkembangan Kreativiti	152
---	-----

5.6 Kesimpulan	152
----------------	-----

RUJUKAN	153
----------------	-----

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan Sampel Murid berdasarkan Jenis Sekolah dan Jantina	74
3.2 Pembahagian Item Soal-selidik	78
3.3 Skala Likert	79
3.4 Pernyataan Skor Inventori Personaliti Kreatif	80
3.5 Huraian Konstruk bagi Inventori Personaliti Kreatif	81
3.6 Kebolehpercayaan Item	85
3.7 Jadual Interpretasi Min	88
3.8 Persoalan dan Hipotesis Kajian serta Jenis Analisis Data	89
4.1 Data Demografi Sampel - Jantina	94
4.2 Data Demografi Sampel - Jenis Sekolah	94
4.3 Analisis Deskriptif Tahap Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Keterbukaan terhadap Pengalaman	95
4.4 Analisis Deskriptif Tahap Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Toleransi terhadap Kesamaran	96
4.5 Analisis Deskriptif Tahap Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Pengambilan Risiko	98
4.6 Analisis Deskriptif Tahap Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Disiplin Kendiri	99
4.7 Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Ciri Personaliti Kreatif Murid PA Secara Keseluruhan	100



4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Keterbukaan terhadap Pengalaman	101
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Toleransi terhadap Kesamaran	102
4.10	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Pengambilan Risiko	102
4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Disiplin Kendiri	103
4.12	Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri Personaliti Kreatif Murid PA secara Keseluruhan berdasarkan Jantina	104
4.13	Ujian-t Ciri Personaliti Kreatif Murid PA secara Keseluruhan berdasarkan Jantina	105
4.14	Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Keterbukaan terhadap Pengalaman berdasarkan Jantina	106
4.15	Ujian-t Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Keterbukaan Terhadap Pengalaman berdasarkan Jantina	107
4.16	Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Toleransi terhadap Kesamaran berdasarkan Jantina	108
4.17	Ujian-t Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Toleransi terhadap Kesamaran berdasarkan Jantina	109
4.18	Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Pengambilan Risiko berdasarkan Jantina	110
4.19	Ujian-t Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Pengambilan Risiko berdasarkan Jantina	111
4.20	Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Disiplin Kendiri berdasarkan Jantina	112
4.21	Ujian-t Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Disiplin Kendiri berdasarkan Jantina	113

4.22	Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri Personaliti Kreatif Murid PA secara Keseluruhan berdasarkan Jenis Sekolah	114
4.23	ANOVA Satu Hala Ciri Personaliti Kreatif Murid PA secara Keseluruhan berdasarkan Jenis Sekolah	115
4.24	Ujian <i>Post Hoc</i> Ciri Personaliti Kreatif Murid PA secara Keseluruhan berdasarkan Jenis Sekolah	116
4.25	Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Keterbukaan terhadap Pengalaman berdasarkan Jenis Sekolah	117
4.26	ANOVA Satu Hala Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Keterbukaan terhadap Pengalaman berdasarkan Jenis Sekolah	118
4.27	Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Toleransi terhadap Kesamaran berdasarkan Jenis Sekolah	119
4.28	ANOVA Satu Hala Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Toleransi terhadap Kesamaran berdasarkan Jenis Sekolah	120
4.29	Ujian <i>Post Hoc</i> Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Toleransi terhadap Kesamaran berdasarkan Jenis Sekolah	121
4.30	Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Pengambilan Risiko berdasarkan Jenis Sekolah	122
4.31	ANOVA Satu Hala Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Pengambilan Risiko berdasarkan Jenis Sekolah	123
4.32	Ujian <i>Post Hoc</i> Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Pengambilan Risiko berdasarkan Jenis Sekolah	124
4.33	Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Disiplin Kendiri berdasarkan Jenis Sekolah	125
4.34	ANOVA Satu Hala Ciri Personaliti Kreatif Murid PA dari aspek Disiplin Kendiri berdasarkan Jenis Sekolah	126



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Konseptual Kajian	22
2.2 Piramid Perkembangan Bakat Piirto versi 6 (2010)	32
2.3 <i>Differentiating Model of Giftedness and Talent</i> (DMGT 2.0)	34



**SENARAI SINGKATAN**

BPSBPKK	Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KRK	Kelas Rancangan Khas
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
PA	Pintar Akademik
PCA	Pintar Cerdas Akademik
PCB	Pintar Cerdas Berbakat
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Negara
PT3	Penilaian Tingkatan Tiga
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
UKKM	Ujian Kecenderungan Kemasukan ke MRSM
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Mengadakan Kajian (EPRD)
- B Surat Kebenaran Mengadakan Kajian (MARA)
- C Surat Kebenaran Mengadakan Kajian (BPSBPSKK)
- D Surat Kebenaran Mengadakan Kajian (JPN Perak)
- E Surat Pelantikan Sebagai Pakar Penilai Kesahan Instrumen
(Dr. Grace Annammal A/P Gnana Piragasam)
- F Surat Pelantikan Sebagai Pakar Penilai Kesahan Instrumen
(Dr. Nor Aizal Akmal Binti Rohaizad)
- G Surat Panggilan Mesyuarat Pembentangan Proposal
- H Surat Panggilan Mesyuarat Jawatankuasa Viva
- I Instrumen Soal Selidik





BAB 1

PENGENALAN



Penumpuan usaha kerajaan ke arah pembangunan modal insan yang berkualiti sebagai pemangkin generasi abad ke-21 yang lebih kompetitif dan berdaya maju seharusnya digembleng oleh semua lapisan masyarakat. Institusi pendidikan adalah salah satu sektor yang bertanggungjawab dalam mendidik generasi muda sehingga mereka mampu menyumbang semula kepada Negara dalam bidang kepakaran masing-masing (Md. Nasir, 2013). Bagi melengkapkan proses transformasi dalam bidang pendidikan, murid yang berpotensi serta dianggap sebagai pintar akademik dan berbakat perlu dipupuk potensi mereka supaya dapat memberi lonjakan positif kepada Negara menerusi sumbangan mereka dalam konteks penerokaan ilmu di persada antarabangsa, seterusnya memastikan kelangsungan perkembangan ekonomi Negara (Abu Yazid dan Noriah, 2016).





Menurut Md. Nasir (2013), dalam sistem pendidikan di Malaysia, murid pintar cerdas dan berbakat (PCB) dalam definisi konsep yang dinyatakan dalam Bab 2 merujuk kepada “pelajar yang mempunyai keupayaan berprestasi cemerlang disebabkan kebolehan mereka yang tinggi berbanding dengan pelajar yang sebaya dengannya. Mereka juga lulus penilaian tahap kecerdasan atau keupayaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)” (hlm 14). Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa murid-murid pintar ini kebiasaannya menunjukkan kebolehan akademik yang tinggi dalam ujian-ujian akademik di sekolah, dan selalu mendapat markah yang tinggi dalam ujian kecerdasan (IQ) (Mohd. Hussain, 1995).

Namun begitu, harus kita sedar bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian atau perkembangan potensi seseorang murid, antaranya peribadi, motivasi, persekitaran, gaya berfikir dan gaya belajar, dan sebagainya.

Tambahan pula, kejayaan seseorang murid memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak semestinya dihubungkan dengan kepintaran intelek atau kecerdasan semata-mata, kerana ia mungkin dicapai melalui usaha yang berterusan, latihan dan teknik menjawab soalan yang berkesan atau mungkin juga kerana ramalan-ramalan soalan peperiksaan yang mengena daripada pihak sekolah atau guru, dan bukan disebabkan kepintaran semulajadi seseorang murid itu (Mohd. Hussain, 1995).

Dari aspek yang lain, beberapa penyelidikan dalam bidang pintar cerdas turut mengaitkan *giftedness* dengan kreativiti. Kajian literatur terkini banyak mencadangkan bahawa kreativiti merupakan manifestasi kepada ciri-ciri pintar akademik (Nadeem dan





Wani, 2013; Lee dan Jun, 2015; Cevher, Ertekin dan Koksall, 2014; Karademir, 2016; Renzulli, 2005). Seseorang murid yang mempunyai daya kreativiti yang tinggi tidak semestinya ialah seorang murid yang pintar akademik. Murid yang mempunyai kreativiti yang tinggi biasanya memiliki tingkah laku yang unik (Mohd Azhar, 2004).

Dalam kajian awal tokoh sarjana seperti Barron (1969), Mc Kinnon (1978), dan Torrance (1981) berkaitan ciri-ciri individu kreatif, didapati tingkahlaku murid-murid yang memiliki daya kreativiti yang tinggi sering mengelirukan atau menimbulkan masalah kepada guru-guru di bilik darjah atau ibu bapa di rumah (Mohd. Hussain, 1995). Antaranya adalah suka berimajinasi (berangan-angan), tidak suka mematuhi peraturan (tidak suka dikongkong), berkelakuan agak berbeza daripada orang lain, mudah jemu dengan kerja-kerja rutin dan sebagainya.



Ciri-ciri sedemikian seringkali dilabelkan oleh guru atau ibu bapa yang kurang kefahaman tentang tingkah laku murid berdaya kreatif tinggi sebagai murid yang bermasalah, keras kepala, dan sebagainya. Ketidakupayaan guru atau ibu bapa dalam memahami dan mengurus murid sebegini seringkali menyebabkan ramai murid tidak mendapat peluang yang sewajarnya untuk menyedari akan potensi mereka, sekaligus menenggelamkan mereka dalam konflik antara keinginan untuk bebas meneroka dan mencipta dengan tuntutan luar yang berkehendakkan mereka mematuhi peraturan atau batas yang ada (Mohd. Hussain, 1995).

Dalam konteks pedagogi pendidikan, aspek kepelbagaian murid perlu diberi perhatian dalam proses merangka strategi serta alternatif pengajaran dan pembelajaran berkesan terutamanya bagi kelompok murid pintar dan berbakat. Antara perbezaan





yang dimiliki termasuklah aspek personaliti, gaya dan keperluan pembelajaran, serta pengetahuan dan keupayaan kognitif (Abu Yazid dan Noriah, 2016). Menyedari akan hal tersebut, aspek pembangunan modal insan berkualiti melalui pembinaan atau perkembangan personaliti yang kreatif perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Kajian Jauk, Benedek, Dunst, dan Neubauer (2013) membuktikan bahawa faktor personaliti merupakan peramal yang kuat ke atas potensi kreatif murid yang tinggi kecerdasan. Kajian lepas juga mendapati usaha ke arah mengenalpasti ciri-ciri atau profil personaliti atau tingkah laku murid dilakukan bagi membantu para guru atau kaunselor khususnya dalam merancang kaedah pengajaran atau program yang bersesuaian (Puspa, 2007; Rosadah, 2004).

Oleh hal yang demikian, kajian ini cuba meninjau sama ada murid pintar akademik (PA) mempunyai ciri personaliti kreatif dalam diri mereka serta mengenalpasti perbezaan personaliti kreatif murid PA mengikut jantina dan jenis sekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Murid pintar akademik (PA) didefinisikan oleh Gagne (2010) sebagai murid yang mempunyai kebolehan atau potensi semulajadi, di mana kebolehan ini boleh dikembangkan menjadi bakat menerusi persekitaran dan faktor-faktor lain. Menurut Mohd Zuri, Nik Rusila, Aznan, Rahimi dan Zainuddin (2010), pintar akademik adalah merujuk kepada kepintaran seseorang individu dalam sesuatu bidang ilmu. Kepintarcerdasan seseorang berorientasikan kepada domain atau bidang di mana ia





menunjukkan kecemerlangan paling tinggi, contohnya, menunjukkan kecemerlangan dalam subjek sains dan matematik atau bahasa mengatasi keupayaan dalam domain lain seperti muzik atau tarian (Ahmad Jaafar, 2008).

Menurut Piirto (1999), setiap murid yang pintar di dalam aspek akademik boleh dikenal pasti semenjak mereka mencapai usia 13 tahun lagi. Ini adalah berlandaskan keputusan mereka dalam pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan setara atau dalam subjek-subjek tertentu. Melalui kajian ini, murid pintar akademik (PA) diukur berdasarkan pencapaian cemerlang seseorang individu itu di dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Kaedah menentukan PA berdasarkan peperiksaan setara kebangsaan ini juga telah digunakan di Hong Kong (Ahmad Jaafar, 2008; Rosadah, 2004).



Menurut Rosadah (2004) lagi, murid pintar akademik merupakan golongan yang mana kebolehan mental mereka jauh lebih tinggi daripada rakan sebaya mereka. Mereka dapat mengaitkan sesuatu peristiwa yang terjadi, boleh menumpukan perhatian pada jangka masa yang lama, gemar merumuskan sesuatu perkara, boleh menyelesaikan masalah dengan mudah dan tanpa bantuan orang lain serta suka membaca buku-buku tahap tinggi berbanding rakan sebayanya. Kepelbagaian yang ada dalam diri murid pintar akademik ini dikaitkan dengan sifat kompleksiti yang ada pada mereka. Kepelbagaian ini jelas diperlihatkan dalam minat dan potensi mereka yang pelbagai, serta dilihat dalam semangat mereka menangani sesuatu masalah dari pelbagai perspektif, selain dilihat dalam idea mereka yang bergabunglin dan serba mencakupi pelbagai konsep dari bidang yang berlainan (Md Nasir, 2013, Csikzentmihalyi, 1999).





Abu Yazid dan Noriah (2016) mengaitkan ciri unik murid pintar akademik yang merangkumi rasa ingin tahu yang tinggi, ketekunan dalam mengejar minat dan mencari jawapan kepada persoalan yang timbul dalam minda, persepsi berbeza terhadap persekitaran, kritikal terhadap diri sendiri dan orang lain, berjenaka, peka kepada ketidakadilan, ingin memimpin dalam pelbagai bidang, tidak mudah menerima kenyataan atau penilaian dangkal, kefahaman terhadap prinsip asas dengan mudah, serta mampu melihat perhubungan antara pandangan atau idea yang berbeza-beza.

Piirto (1999) (dalam Abu Yazid dan Noriah, 2016; BITARA UKM, 2014, Ahmad Jaafar, 2008) secara jelas merumuskan bahawa terdapat 17 ciri personaliti murid pintar akademik iaitu : (a) kreatif, (b) berimajinasi, (c) mempunyai pandangan yang mendalam, (d) intuitif, (e) keterbukaan, (f) keamatan dalam tingkah laku, (g) amat menyukai kerjanya, (h) perseptif, (i) mendesak, (j) berani mengambil risiko, (k) berdisiplin sendiri, (l) mempunyai kecekapan sendiri, (m) cara berfikir mirip kedua-dua gender, (n) tabah berusaha, (o) amat mementingkan kesempurnaan, (p) toleransi terhadap sesuatu yang tidak pasti, dan (q) mempunyai kemahuan yang kuat. Ciri sebegini menunjukkan bahawa keupayaan faktor personaliti boleh membawa ke arah kejayaan individu ketika dewasa (Vinyets, 2014). Dalam hal ini, beberapa kajian berkaitan murid pintar akademik turut mengetengahkan aspek personaliti yang menumpukan kepada beberapa ciri personaliti kreatif (Lee dan Jun 2015; Wang, 2014).

Secara keseluruhannya, murid pintar akademik mempamerkan personaliti yang unik dan berbeza khususnya dalam kelompok rakan sebaya. Kepelbagaian perbezaan ini perlu dikenalpasti dan ditangani secara bijaksana serta tidak disalahtafsirkan oleh ibu bapa, guru dan kakitangan sekolah secara amnya. Mereka perlu dididik dengan





kefahaman yang jelas bahawa sikap yang ditonjolkan oleh mereka khususnya dalam proses pembelajaran sebenarnya boleh menjadi indikator kepada keupayaan mengasah potensi diri ke arah kreativiti dan inovasi yang memberi nilai tambah dalam masyarakat kelak.

1.3 Pernyataan Masalah

Memupuk sikap positif terhadap kreativiti dan inovasi dalam kalangan murid adalah aspek yang sangat penting, terutamanya ketika mereka berada dalam alam persekolahan (Mohd Razip, Seth & Lilia Ellany, 2013). Murid pintar akademik (PA), khususnya dalam sains dan matematik, dilihat menunjukkan minat dalam analisis matematik dan penyelesaian masalah (Johnsen, 2004 dalam Cevher, Ertekin & Koksall, 2014). Pun begitu, dalam konteks pendidikan di negara kita, aspek pemupukan kreativiti dan inovasi terutamanya dalam bidang sains di peringkat sekolah masih belum diberi perhatian sewajarnya. Menurut Mohd Razip et al (2013), kajian-kajian yang dijalankan banyak memberi tumpuan untuk memupuk kepintaran sedangkan aspek pemupukan sikap kreatif dan inovatif dalam bidang-bidang yang lebih khusus masih belum diberikan perhatian yang sewajarnya lagi.

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di peringkat menengah khususnya adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan keupayaan modal insan dalam aspek kemahiran berfikir aras tinggi. Namun demikian, Nor Azzatunnisak dan Saemah (2013) menyatakan bahawa terdapat persekitaran sekolah yang menyekat pemupukan kreativiti, di mana para guru melihat usaha ke arah





perkembangan kreatif sebagai “kurikulum tambahan” dan berasingan daripada pembelajaran akademik di sekolah saban hari. Hal ini menunjukkan bahawa aspek pemupukan kreativiti dalam proses pembelajaran harian masih menjadi halangan yang memberi impak yang besar terhadap perkembangan kreativiti di sekolah (Davis, 1999). Justeru, kemasukan murid pintar akademik ke sekolah-sekolah terpilih yang menawarkan program-program khas dalam bidang sains diharap dapat memberi peluang kepada murid untuk memperkembang potensi kreatif diri dan membangunkan bakat masing-masing.

Sebaliknya, pembangunan aspek personaliti dalam kalangan murid khususnya di peringkat awal remaja seharusnya diberi perhatian lebih awal, sebelum kita memfokuskan ke arah amalan-amalan kreativiti dan inovasi dalam kurikulum pendidikan Negara. Piirto (2011a) dalam Teori Perkembangan Bakat telah mempromosikan ciri personaliti sebagai penyumbang ke arah perkembangan potensi kreatif, khususnya terhadap murid pintar dan berbakat. Apa yang menjadi persoalan di sini, sejauhmanakah murid pintar akademik (PA) menonjolkan sikap kreatif dalam perkembangan personaliti khususnya di peringkat awal remaja atau awal menengah? Dalam hal ini, murid PA seharusnya diberi kefahaman tentang diri mereka sendiri, dan bagaimana persepsi mereka terhadap kekuatan dan kejayaan yang telah diperolehi (Colangelo, 2002; Piirto 1999; dalam Rosadah, 2004).

Selain itu, murid PA yang cemerlang dalam akademik dilihat berpotensi dalam menyelesaikan masalah khususnya dalam pembelajaran di sekolah. Dalam mengupayakan potensi berfikir secara kreatif bagi menyelesaikan masalah, sekolah memainkan peranan penting bagi meningkatkan kepelbagaian aktiviti mahupun

